

Nelayan hanya mampu peroleh RM50 setiap hari berbanding RM200 sebelum ini

Muara cetek jejas pendapatan

Oleh TOREK SULONG
berita@kosmo.com.my

BACHOK – Sebanyak 60 nelayan Kampung Sungai Gali, Kandis dekat sini mendakwa, pendapatan mereka terjejas kerana sukar turun ke laut akibat muara Sungai Gali yang digunakan sebagai laluan utama bot keluar masuk ke laut, cetek sejak beberapa tahun lalu.

Mereka terpaksa menunggu air pasang sekitar pukul 9 pagi hingga 11 pagi setiap hari bagi membolehkan bot masing-masing turun ke laut tanpa tersangkut pada beting pasir.

Difahamkan, masalah itu disebabkan perubahan semulajadi di dasar muara.

Seorang nelayan, **Mohd. Zain Ismail, 61**, (**gambar kecil**) berkata, sebelum ini, golongan nelayan boleh keluar mencari rezeki seawal selepas Subuh, namun kini keadaan muara sungai yang cetek pada paras lutut menyebabkan mereka selalu lambat turun ke laut.

Ceritanya, mereka juga tidak dapat menangkap ikan sehingga ke tengah laut ke-

rana mempunyai masa yang suntuk.

“Jika pukul 9 pagi air di muara masih cetek, kami terpaksa tolak bot sejauh 800 meter ke muara dan ini yang terpaksa kami dilakukan hampir setiap hari,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, **Che Rosmadi Che Ali, 36**, mendakwa, enjin bot miliknya sering mengalami kerosakan akibat meredah beting pasir selain tapak kaki cedera akibat terpijak kulit cengkerang.

Menurutnya, sejak muara sungai tersebut cetek, rata-rata pendapatan nelayan semakin berkurangan sehingga RM50 setiap hari berbanding RM200 sebelum ini.

“Kami kini diibaratkan ‘kais pagi makan pagi, kais malam makan malam’. Tiada seorang pun wakil rakyat yang datang ke tempat ini untuk bertanya khabar,” dakwanya.

Justeru, semua nelayan terbabit meminta pihak bertanggungjawab segera menyelesaikan masalah itu kerana untung nasib mereka hanya bergantung kepada pendapatan hasil laut.



SEBAHAGIAN nelayan terpaksa menunggu air pasang untuk turun ke laut berikutan muara sungai cetek di Kampung Sungai Gali, Kandis dekat Bachok, Kelantan semalam.